

21/10/2000

BMI terima kunjungan pasangan diraja Britain

BRITISH Malaysia Institute (BMI), institut teknologi tinggi di bawah kelolaan Mara dengan kerjasama Kerajaan British menerusi Edexcel Foundation akan menerima kunjungan diraja, The Earl dan Countess of Wessex, Isnin ini.

The Earl of Wessex yang sebelum ini lebih dikenali dengan nama Putera Edward akan ditemani isterinya, iaitu Christopher Rhys-Jones dan dijadual merasmikan dua makmal komputer multimedia BMI, sempena lawatan singkat itu.

Kedua-dua mereka dalam rangka lawatan peribadi ke negara ini dan dijangka turut melawat Universiti Nottingham kampus cawangan Malaysia sebelum mengunjungi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Ketua Eksekutif, BMI, Ahmad Basri Zainal, berkata The Earl dan Countess of Wessex akan merasmikan Makmal Multimedia Rolls Royce dan Makmal Komputer Standard Chartered, dua kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) utama institut itu.

Katanya, kedua-dua makmal itu masing-masing mempunyai 25 komputer dilengkapi dengan kemudahan ICT terkini termasuk sambungan Internet dan dinamakan sempena nama dua syarikat British yang memberi sumbangan kewangan kepada BMI sebelum ini.

"Pembukaan dua makmal ICT ini melambangkan komitmen tinggi BMI yang sentiasa mengutamakan penggunaan ICT di kalangan pelajar dan pengajar dengan menyediakan pelbagai kemudahan elektronik dalam bidang berkaitan untuk digunakan dalam pembelajaran dan pengajarannya.

"Penggunaan ICT tidak terhad kepada pelajar sains komputer kerana penggunaan mesin elektronik berkomputer kini diaplikasikan dalam hampir semua bidang termasuk perubatan dan kejuruteraan.

"Pelajar perlu didedahkan dengan penggunaan ICT kerana dunia kerjaya dan kehidupan seharian pada masa depan akan membabitkan banyak peralatan elektronik dengan skrin komputer yang canggih.

"Aplikasi ICT secara meluas dalam kampus ini akan membiasakan pelajar dengan peralatan elektronik berkomputer untuk menjadikan graduan BMI lebih berkeupayaan dalam aspek ini," katanya ketika ditemui di Gombak, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

BMI yang ditubuhkan pada 1998 menawarkan program kemahiran teknikal peringkat diploma tinggi nasional (HND) dalam bidang kejuruteraan elektronik perubatan, kejuruteraan elektronik, elektrik, telekomunikasi, sistem komputer dan teknologi maklumat.

Selain Makmal Multimedia Rolls-Royce dan Makmal Komputer Standard Chartered, Basri berkata, The Earl dan Countess of Wessex juga dijadualkan melawat pusat sumber BMI iaitu perpustakaan termoden dan Open Access yang menghimpunkan kira-kira 250 komputer peribadi (PC) berinternet.

Katanya, perpustakaan itu kini mempunyai 7,000 judul buku rujukan dan akan dilengkapi dengan 50,000 judul termasuk 500 judul dalam bentuk CD-Rom dalam tempoh lima tahun akan datang.

Perpustakaan itu juga mempunyai kemudahan rujukan elektronik dengan 25 PC berinternet, bilik audio-visual dan makmal bahasa yang boleh memuatkan 50 pengguna.

Open Access pula ialah dua dewan yang setiap satunya mempunyai 100 PC berinternet yang menjadi pusat pertemuan virtual antara pelajar dengan pensyarah.

Beliau berkata, lawatan diraja itu juga menandakan kerjasama erat antara BMI dengan Kerajaan British menerusi syarikat swastanya terutama yang beroperasi di negara ini seperti Malayan Cement Berhad, BAE SYSTEMS, British Airways dan HSBC.

Selain industri, katanya, BMI bekerjasama dengan Majlis Perniagaan Malaysia Britain (MBBC) terutama untuk membangunkan usahawan industri kecil dan sederhana (IKS) tempatan termasuk menawarkan latihan secara percuma kepada IKS terpilih.

Katanya, latihan berkenaan membabitkan penggunaan peralatan canggih dalam enam bidang kepakaran yang ditawarkan termasuk kursus bahasa Inggeris jika terdapat permintaan daripada bakal usahawan IKS.

(END)